

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 AUGUST 2016

Tun Dr. Mahathir mudah lupa
Um - 15/8/2016

TASEK GELUGOR 14 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad 'lupa' terhadap nasihat yang sering diberikannya kepada ahli UMNO semasa menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun dahulu, iaitu supaya sentiasa patuh kepada Presiden parti.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Zainal Abidin Osman berkata, ketika Tun Mahathir memimpin parti, beliau sering memberi nasihat berkenaan kepada ahli, sekali gus membantu melancarkan pentadbiran parti dan negara.

"Oleh itu, apabila beliau secara rasmi mengesahkan menjadi penaja kepada penubuhan sebuah parti baharu, maka beliau hilang kelayakan untuk memberi nasihat atau teguran kepada Datuk Seri Najib Tun Razak berhubung pentadbiran negara dan hal-ehwal UMNO," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Wanita UMNO Bahagian Tasek Gelugor, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya dan Ketua Wanita UMNO Bahagian, Datuk Jahara Hamid.

Menurut Zainal Abidin, majoriti ahli UMNO hari ini yang terus memberi sokongan padu kepada Najib adalah kerana 'mengingati' pesanan Dr. Mahathir sendiri sebelum ini.

"Kita mahukan pentadbiran negara berjalan lancar, begitu juga urusan parti (UMNO), supaya terus dapat memberi tumpuan untuk membela rakyat dan bukan membuang masa terhadap perkara yang merosakkan parti keramat ini," katanya.

Zainal Abidin berkata, UMNO negeri kesal dengan tinakan be-

Saya akui, dalam keadaan sedih, kita terpaksa berlawan dengan orang yang dianggap tokoh parti kita sebelum ini, namun merekalah yang sebenarnya meletakkan diri mereka dalam situasi ini."

ZAINAL ABIDIN OSMAN
Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri

berapa orang bekas pemimpin besar UMNO yang bertindak menubuhkan parti baharu semata-mata kerana kecewa.

Dalam soal ini, katanya, UMNO tidak mempunyai pilihan dan terpaksa 'berlawan dengan bekas pemimpin-pemimpin berkenaan' di pentas politik.

"Saya akui, dalam keadaan sedih, kita terpaksa berlawan dengan orang yang dianggap tokoh parti kita sebelum ini, namun merekalah yang sebenarnya meletakkan diri mereka dalam situasi ini," katanya.

Beliau turut mendedahkan terdapat beberap bekas pemimpin UMNO Bahagian Tasek Gelugor dan beberapa tempat lain di negeri ini yang pernah tewas dalam pemilihan parti didekati individu tertentu supaya menyertai parti baharu itu.

"Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan ahli-ahli UMNO di negeri ini akan meninggalkan parti dan menyertai parti baharu itu, namun kita tetap memantau perkembangan dari semasa ke semasa," katanya.